

AM 13 SEP 1991

Lawat negara lain buat perbandingan: Mahathir

JITRA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedia menghantar rakyat negara ini melawat negara lain yang mencapai kemerdekaan pada masa yang hampir sama dengan Malaysia, tetapi masih kurang membangun, untuk dibuat perbandingan.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia boleh menyaksikan sendiri betapa bertuahnya mereka kerana dapat mengesap kemajuan dan kemakmuran jauh lebih baik daripada negara berkenaan.

"Sekiranya berpeluang melawat negara berkenaan, barulah mereka akan bersyukur menjadi rakyat Malaysia," katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di Dewan Merdeka, di sini semalam.

Sambil menyatakan tidak semua rakyat dapat dihantar melawat negara terbabit, Perdana Menteri menyamakan

keadaan sekarang dengan sebilangan besar rakyat yang hanya sedar mengenai betapa nikmatnya kesihatan ketika mereka sakit.

Mengenai niat buruk golongan luar terhadap Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kesatuan sekerja Eropah dan Amerika Syarikat berusaha menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara dengan mempengaruhi kesatuan sekerja tempatan menerusi pelbagai kegiatan kurang sihat.

Beliau berkata, negara Barat memang berniat buruk sejak dulu lagi untuk menyekat kemajuan ekonomi negara ini menerusi pelbagai cara, termasuk menggagalkan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

"Antara kegiatan buruk yang dilakukan oleh mereka ialah meminta kesatuan sekerja negara ini mendesak majikan menyediakan gaji lebih serta melancarkan mogok jika permintaan itu tidak

ditepati.

"Kesatuan sekerja negara Barat memang tidak mahu melihat Malaysia maju dan mampu mengeluarkan barangan setanding dengan keutamaan mereka," katanya.

Menurutnya, kesatuan sekerja Barat juga hanya berani melakukan kegiatan tidak sihat itu sekarang, iaitu selepas Malaysia bebas daripada penjajahan British.

"Dulu, ketika Malaysia dijajah British, segala kehendak mereka dituruti, tetapi kini, keadaan sudah berubah dan mereka tidak senang hati dengan perubahan itu," katanya.

Berikutan itu, katanya, kesatuan itu yang selama ini tidak diberi perhatian, berpendapat mereka dianiaya serta tidak dapat kemudahan yang diperlukan pekerja. Oleh itu, mereka mendesak kesatuan sekerja lain, termasuk kesatuan sekerja di Malaysia, mengikut langkah mereka.

Perdana Menteri berkata,

ada sesetengah pemimpin kesatuan sekerja di negara ini tidak sedar tujuan Barat ialah untuk menjejaskan pembangunan ekonomi negara mereka sendiri.

Menurutnya, Malaysia sudah menunjukkan keupayaan ke arah menjadi sebuah negara pengeluar terbesar televisyen, mikrochips, peti sejuk dan beberapa barangan lain.

"Keupayaan itu adalah antara sebab kebimbangan negara Barat terhadap Malaysia sekarang," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan rakyat negara ini terus berusaha bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Beliau juga kesal dengan sesetengah pihak yang menolak matlamat wawasan itu, sebaliknya mahukan "Wawasan Akhirat". Golongan itu tidak sedar kemudahan beribadat yang wujud selama ini adalah hasil dasar kerajaan yang tidak mengabaikan agama.